

arcca



Buletin Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

311-315

ICQCC'11-Yokohama Program

Date	Time	Event	Location	Phone Number
15-26/11/11		Registration Desk	ICQCC'11	011-270-1111
16-20/11/11		Business Committee Office	ICQCC'11	011-270-1111
17-20/11/11		Business Reception	ICQCC'11	011-270-1111
18-20/11/11		Registration Desk	ICQCC'11	011-270-1111
19-20/11/11		Opening Ceremony	ICQCC'11	011-270-1111
20-26/11/11		Registration Desk	ICQCC'11	011-270-1111





Sidang Editorial

Penaung

Jumastapha b. Hj. Lamat
Akauntan Negeri

Penasihat

Hjh. Elean bt Masa'at
Pemangku Timbalan Akauntan Negeri

Ketua Editor

Raca Mulong
Pegawai Tadbir

Juru Foto

Abu Bakar Pet
Pembantu Am

Ahli

Haslinda Abd. Ghani
Akauntan

Khadijah Khaider
Pem. Tadbir (Kesetiausahaan)

Norhalizah Jali
Pem. Tadbir (Kewangan)

Najwa 'Illiani Jahiden
Pem. Tadbir (Kewangan)

Cyrine Tipi
Latihan Pemeriksaan Siswazah

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
<http://www.treasury.sarawak.gov.my>

Nota Penasihat ARCA

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberi mandat untuk menjadi Penasihat ARCA keluaran yang ke-6 ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Pasukan Editorial, diketuai oleh En. Raca Mulong kerana telah bertungkus lumus untuk menjayakan penerbitan ini.



Sepanjang tahun 2011, banyak aktiviti yang telah kita lakukan dan saya amat berbangga di atas segala kerjasama yang telah diberikan oleh pegawai Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (JPNS). Kebanyakan aktiviti adalah memfokuskan dengan memberi pendedahan dan pengetahuan tentang fungsi jabatan kepada pelanggan dan tidak lupa juga kepada pegawai-pegawai kita sendiri. Antara aktiviti yang telah kita jalankan dengan jayanya ialah :

- Program Jerayawara Sejiwa Senada
- Kursus Pengurusan Perbendaharaan telah dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu Ibupejabat, Zon Tengah dan Zon Selatan

Selain daripada itu, usaha-usaha kualiti juga amat membanggakan pada tahun 2011 apabila Kumpulan KIK SKIP telah menerima pelbagai penganugerahan termasuk Anugerah Cemerlang (Excellent Award). Tahniah diucapkan kepada ahli-ahli Kumpulan SKIP

Akhir kata, dengan inisiatif yang telah dilakukan oleh Jabatan kita, saya berharap semua pegawai hendaklah berusaha untuk meningkatkan pengetahuan sama ada dalam bidang tugas sendiri, mahupun bidang tugas rakan kita yang lain untuk mencapai Objektif JPNS.

HAJAH ELEAN BT. MASA'AT
Penasihat ARCA
Merangkap Pemangku Timbalan Akauntan Negeri

Intisari arca

m/s 2 RUANGGAN EDITOR

m/s 6-11 KRONOLOGI PERISTIWA
Sepanjang Tahun 2011

m/s 18-19 ARTIKEL MENARIK

m/s 3-4 WAWANCARA BERSAMA
Akauntan Negeri Sarawak

m/s 12-16 KENALI KAMI
Seksyen / Unit JPNS

m/s 20 DIARI 2012

m/s 5 HIGHLIGHT
Pencapaian JPNS 2011

m/s 17 ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG 2010 (APC)



Encik Jumastapha bin Haji Lamat Akauntan Negeri Sarawak

Bertugas di JPNS pada tahun 2005 hingga kini

"Good is not good where better is expected"

-Thomas Fuller

Tuan telah menjawat jawatan ini sejak tahun 2005. sepanjang 7 tahun ini, JPNS semakin dikenali dan disegani kerana banyak mengecapi pencapaian yang membanggakan baik di peringkat Negeri, Kebangsaan mahupun Peringkat Antarabangsa. Bolehkah Tuan kongsi rahsia kejayaan dan adakah Tuan sudah berpuas hati dengan pencapaian setakat ini?

Terima kasih pihak editor. Sebelum itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa ARCA atas kejayaan menerbitkan ARCA edisi ke 6. Syukur dan Alhamdulillah saya masih lagi bersama JPNS untuk melihat kejayaan demi kejayaan yang telah kita kecapai. Saya kagum dengan komitmen dan semangat yang tinggi setiap staf untuk bersama-sama dengan saya mencapai objektif jabatan ini. Saya amat berpuas hati dengan pencapaian struktur pengurusan kualiti yang menekankan penambahbaikan dan kepastian kualiti bermatlamatkan perkhidmatan cemerlang dan kepuasan pelanggan.

Pada tahun 2011, kita telah berjaya merangkul beberapa anugerah dari Konvensyen KIK, pencapaian 4 bintang untuk penilaian Indeks Akauntabiliti, Pensijilan semula ISO 9001:2008. Selain dari sudut kualiti, dari segi sosial juga, kita telah dinobatkan sebagai Naib Johan bagi kumpulan nasyid peringkat Bahagian Kuching.

Saya tidak mempunyai apa-apa rahsia untuk JPNS mendapat kejayaan setakat ini. Semua orang pasti tahu, tiada kejayaan yang mampu dicapai dalam sekelip mata. Dengan berkat usaha yang gigih dan kerjasama dari semua pihak, kita berjaya bersama-sama mencapai apa yang kita usahakan setakat ini.

Alhamdulillah, saban tahun kita telah diberi pengiktirafan dari sudut kualiti dan sekaligus meningkatkan nama baik JPNS dalam Sektor Awam di Malaysia.

Mengimbas kembali ketika pertama kali Tuan melangkah kaki di Jabatan ini, apakah kekangan dan cabaran yang Tuan hadapi ketika itu?

Tidak dinafikan, semua tanggungjawab yang digalas pasti mempunyai cabaran. Saya beruntung kerana mewarisi Jabatan yang sudah banyak membuat kemajuan. Cabaran awal ialah untuk mengenali dan mendekati pegawai yang akan bekerja dengan saya. Saya bersyukur kerana semua staf tidak kira PAR hingga ke Penolong Akauntan Negeri, memberi komitmen yang luar biasa kepada saya.

Cabaran seterusnya ialah menjelaskan hala tuju JPNS melalui Visi, Misi dan Objektif dengan menyampaikan perancangan ini melalui amanat kepada seluruh pegawai. Selain daripada itu, saya turut turun padang ke setiap Perbendaharaan Bahagian seluruh Sarawak melalui rangka jelajah "HQ Connection" untuk menjelaskan perancangan JPNS. Ternyata, tindakan ini mendapat sokongan seluruh warga JPNS untuk berbincang dan mencapai kata sepakat untuk apapun masalah yang dihadapi di sana.

Sistem juga menjadi cabaran pada awal pembabitan saya. Dalam era informasi di hujung jari, saya mahu mempunyai program ke arah sistem yang lebih cekap di mana ianya mudah untuk dirujuk melalui komputer. Alhamdulillah dalam pendekatan "E-Treasury", kita telah berjaya melaksanakan sistem seperti e-Payment Advice, e-Penyata Akaun Bulanan, e-Payslip dan sebagainya bagi kemudahan pelanggan. Saya amat berbangga dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut kerana membolehkan kita memberi perkhidmatan dengan pantas, menjimatkan masa, kos dan memenuhi kehendak kumpulan sasaran.

Wawancara Bersama



Untuk tahun 2012, apakah perancangan dan strategi baru yang hendak dilaksanakan oleh Tuan? Bagaimanakah Tuan hendak menyampaikan hasrat Tuan kepada semua staf agar mereka sama-sama menghayati perancangan strategi yang telah digariskan?

Harapan Tuan secara keseluruhannya dalam menentukan halatuju JPNS mungkin 5 atau 10 tahun akan datang.

Kita telah melaksanakan "Agenda **Perbendaharaan**" untuk tahun 2012 pada Disember tahun lalu bagi membincangkan Pelan Strategik untuk tahun 2012. Setiap seksyen telah mengemukakan cadangan mereka masing-masing dan saya juga berpuas hati dengan sasaran yang telah mereka tetapkan.

Saya amat berharap Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak akan mencapai Visi Jabatan untuk menjadi Jabatan Perbendaharaan Contoh sektor Awam di Malaysia dalam tempoh 5 atau 10 tahun akan datang.

Dalam usaha kita memastikan staf menghayati perancangan strategi yang telah digariskan, maka kita warwarkan dalam Agenda Perbendaharaan yang dijalankan setiap tahun bagi memaklumkan kepada semua staf akan Pelan Jabatan dan pencapaian serta strategi yang diambil. Semua wakil bahagian terutama Akauntan Bahagian juga diberikan pendedahan dan turut serta dalam perancangan strategik bagi membolehkan idea dan perancangan dikembangkan dan diketengahkan kepada semua staf di bahagian masing-masing.

Secara umumnya, Jabatan kini dalam proses ke arah mencapai visi Jabatan dengan pencapaian jabatan yang sedia ada terutama sekali dari segi kualiti seperti KIK Jabatan di peringkat antarabangsa. Ini merupakan landasan pertama Jabatan kita untuk menjadi Jabatan Perbendaharaan Contoh Sektor Awam Malaysia.

Pelan strategik perlu dipantau dan jurang perbezaan perlu dikurangkan. Justeru itu, semua ketua seksyen adalah bertanggungjawab memastikan objektif kita tercapai. Saya juga memberi penekanan kepada semua pegawai khususnya Ketua Seksyen agar sentiasa melihat pelan strategik dijadikan panduan dan dikongsi bersama staf dibawah seliaan masing-masing. Penekanan ini, saya maklumkan melalui ucapan saya dalam "**Refleksi 1 Perbendaharaan**" yang dibuat pada setiap bulan. Ianya merupakan satu langkah atau pendekatan dalam usaha mendedahkan semua staf aspirasi dan harapan kita.



Bagi tahun 2012, langkah strategi yang kita ambil ke arah mencapai visi jabatan adalah dengan menyertai beberapa projek-projek yang akan disertai oleh Jabatan seperti **Key Focus Activity (KFA)**, **Akauntabiliti Indeks (AI)**, **Anugerah Kualiti Ketua Menteri (AKKMS)**, **Kumpulan Inovasi** dan **Kualiti (KIK)**, **Perkhidmatan Kaunter dan amalan 5s**. Penyertaan-penyertaan ini adalah sebagai kayu pengukur atau penanda aras tahap pencapaian jabatan kita.



HIGHLIGHT

Pencapaian JPNS 2011

Peringkat Antarabangsa

EXCELLENT AWARD

KUMPULAN SKIP dari Ibupejabat JPNS telah berjaya mendapat **EXCELLENT AWARD** yang merupakan **Anugerah Tertinggi dalam Konvensyen QCC Peringkat Antarabangsa (ICQCC)** pada 11-14.09.2011 di **Pacifico Yokohama, Jepun**.

Peringkat Kebangsaan

ANUGERAH EMAS 3 BINTANG

KUMPULAN SKIP mendapat **ANUGERAH EMAS 3 BINTANG** dan tersenarai dalam **Anugerah 10 Kumpulan Terbaik Sektor Awam** di Konvensyen ICC Kebangsaan Anjuran MPC di Sunway Pyramid Convention Centre, Petaling Jaya pada 19 - 20.10.11.

PENSIJILAN ISO 9001 : 2008

Pensijilan ISO 9001:2008 oleh pihak **SIRIM QAS International Sdn. Bhd.** pada 25 - 26.04.2011.

Peringkat Negeri

4 BINTANG

JPNS telah berjaya mencapai **4 BINTANG** dalam Penilaian **Indeks Akauntabiliti** dengan markah tertinggi di antara 50 buah agensi di Negeri Sarawak.

Peringkat Bahagian

NAIB JOHAN

Kumpulan NASYID QISYA, JPNS berjaya mendapat **NAIB JOHAN** dalam Majlis Tilawah Al-Quran dan Pertandingan **Nasyid Peringkat Bahagian Kuching** bagi kategori Tradisi pada 05 - 06.04.2011.

ANUGERAH EMAS DAN ICC MUDA TERBAIK

KUMPULAN HARMONI dari Perbendaharaan Bahagian Sibu telah mendapat **Anugerah Emas dan ICC Muda Terbaik** di Konvensyen KIK Wilayah Sarawak pada 30.06.2011.

Peringkat Zon

NAIB JUARA

KUMPULAN SKIP dari Ibupejabat JPNS telah mendapat **NAIB JUARA** di Konvensyen KIK Peringkat Zon Selatan pada 18.05.2011.

TEMPAT KE-TIGA

KUMPULAN HARMONI dari Perbendaharaan Bahagian Sibu telah mendapat **TEMPAT KE-TIGA** di Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah pada 12 - 13.05.2011.



IMBASAN

Refleksi 1 Perbendaharaan sepanjang tahun 2011

Refleksi 1 Perbendaharaan adalah perhimpunan bulanan yang diadakan pada setiap awal bulan yang dihadiri oleh staf Ibupejabat, PB Kuching dan PB Samarahan di lobi Menara Pelita. Dalam perhimpunan tersebut, Akauntan Negeri akan menyampaikan maklumat amanat penting kepada semua staf di samping acara ringkas seperti pemberian hadiah harijadi kepada staf dan lain-lain. Dalam ruangan ini kami 'highlight' amanat Akauntan Negeri dalam ucaptamanya seperti di berikut :

Isi Ucapan :

1 April 2011

- Semua pegawai perlu berpegang kepada prinsip "sense of urgency" dengan menyiapkan tugas/ maklumbalas dalam masa **5 hari bekerja**.

Isi Ucapan :

8 Jun 2011

- Kumpulan KIK di ibu pejabat dan Perbendaharaan Bahagian Sibuan meraih tempat ke-2 dan tempat ke-3 dalam Konvensyen Peringkat Zon Selatan dan Zon Tengah masing-masing.
- Perbendaharaan Bahagian Miri terpilih menyertai Konvensyen Peringkat Zon Utara.
- JPNS menyertai Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2010
- Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak berlangsung pada 20-29 Jun 2011
- Beberapa pegawai akan berpindah ke Jabatan lain.

Isi Ucapan :

28 Julai 2011

- JPNS berjaya mengekalkan penilaian bintang tertinggi iaitu 4 bintang bagi IA tahun 2010.
- Semua Ketua Seksyen dan Unit perlu memastikan tiada ruang bagi tugas-tugas terlepas pandang.
- Setiap Seksyen perlu lebih agresif mencari penyelesaian sesuatu isu atau masalah.

Isi Ucapan :

9 Oktober 2011

- Ucapan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah menerima pingat dan darjah kebesaran Negeri Sarawak sempena Hari Jadi Ke-90 TYT.
- Semua pegawai perlu melaksana dan memastikan KPI masing-masing tercapai.

Isi Ucapan :

3 November 2011

- Semua pegawai perlu memastikan Akaun 2011 jabatan tidak bermasalah dan sifar kueri audit.
- Jabatan dalam usaha meluaskan "Corporate Social Responsibility" (CSR) kepada organisasi awam selain daripada program Rakan Perbendaharaan yang masih lagi dijalankan pada Pusat Tanggungjawab yang telah dipilih.

Isi Ucapan :

7 Disember 2011

- Semua pembaharuan yang dibuat melalui KIK, 5S, KFA, 6Ps, BSC hendaklah diterjemahkan kepada output yang **'visible'**, iaitu budaya kerja yang dapat memberikan hasil berimpak tinggi yang mampu mengoptimalkan kepuasan pelanggan.

15 Jan

Gotong-Royong



Ibu pejabat JPNS telah mengadakan gotong royong menyusun fail/dokumen mengikut Seksyen/Unit masing-masing di stor Pusat Latihan Pembangunan Belia, Jalan Sultan Tengah Rampangi, Santubong.

Sambutan Maulidur Rasul

15 Feb



JPNS bersama Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak melalui Persatuan Kebajikan Islam Perbendaharaan Negeri Sarawak (KIPAS) telah menyertai Perarakan dan Pertandingan Sepanduk Sempena Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sarawak 1432H/2011M pada 15 Februari 2011 di Bahagian Kota Samarahan.

Jan 1 Acara

Feb 4 Acara

21 Feb

Lawatan 5S



Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka telah mengadakan lawatan 5s ke JPNS. Ianya merupakan lawatan perkongsian maklumat amalan 5S antara dua jabatan.

24 Feb

Ceramah Integriti

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengadakan ceramah bertajuk "Integriti Pengurusan Kewangan" yang disampaikan oleh Encik Zaini Bin Hassan, Penolong Kanan Penguasa.



26-27 Feb

Sejiwa Senada

Perbendaharaan Bahagian Sri Aman bersama pihak Ibu Pejabat telah menjayakan jerayawa Sejiwa Senada di Bahagian Sri Aman yang telah diadakan pada 26-27.02.2011 di Padang KPSU lama, Sri Aman.



Sejiwa Senada

25-27 Mac

Program Sejiwa Senada untuk Bahagian Kuching Selatan diadakan di Dewan Masyarakat MBKS & Padang Letak Kereta pada 25-27 Mac 2011. Kali ini pihak Perbendaharaan Bahagian Kuching pula yang sibuk untuk membuat persiapan bagi penyertaan Program Sejiwa Senada peringkat Zon Kuching Selatan.



Pertandingan Nasyid

5-6 Apr

Kumpulan Nasyid QISYA, JPNS meraih tempat NAIB JOHAN pada Majlis Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyid Peringkat Bahagian Kuching. Majlis telah diadakan pada 5 dan 6 April 2011 bertempat di Dewan Rekreasi Kampung Semerah Padi, Fasa I Jalan Samariang Kuching.



25-26 Apr

ISO 9001:2008

Pihak Jabatan Perbendaharaan Negeri merakam tanda penghargaan kepada Cik Nor Hasifah Abdul dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang telah membuat 'Surveillance Audit' ISO 9001:2008 di JPNS pada 25-26/04/2011 yang lalu, terutamanya dalam penambahbaikan dan perkongsian ilmu.



AGM KOHAB

Koperasi Harapan Berhad (KOHAB) jabatan telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan KOHAB Ke-10 di Dewan Persidangan Utama, Tingkat 21, Menara Pelita, pada 27.04.2011. Seramai lebih 100 orang ahli telah menghadiri majlis ini.

Mac 2 Acara

April 3 Acara

27 Apr



12, 13 & 18 Mei

KIK : SKIP & HARMONI

UCAPAN TAHNIAH kepada **Kumpulan Harmoni** daripada Perbendaharaan Bahagian (PB) SibU atas kejayaan mendapat **tempat ke-3** pada Konvensyen KIK.

Peringkat Zon Tengah, Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang berlangsung pada **12-13 Mei 2011**.

Begitu juga kepada **Kumpulan SKIP** daripada Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri Sarawak telah berjaya mendapat **NAIB JUARA** pada Konvensyen KIK Peringkat Zon Selatan, Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang berlangsung pada **18 Mei 2011**.

Harmoni



SKIP



03 Mei 2011

Refleksi 1 Perbendaharaan.

04 Mei 2011

Ceramah Pengukuhan Professionalisme dalam Pekerjaan bertempat di Bilik Persidangan Menara Pelita.

16 Mei 2011

Kelas Bimbingan Peperiksaan Subjek Jabatan Sesi 1/2011 diadakan di Bilik Latihan Menara Pelita.

18 Mei 2011

Bengkel Sistem Inspektorat telah dianjurkan oleh pihak SAINS.

24 - 25 Mei 2011

Kursus Induksi Khusus kepada 22 pegawai JPNS di Grand Continental Hotel Kuching.

Mei 7 Acara

Jun 3 Acara

17 Jun

Seminar Pelaburan

Pihak Amanah Saham Nasional Berhad mengadakan Seminar Pelaburan 360 Hari pada 17 Jun 2011 di Bilik Persidangan, Tingkat 11 Menara Pelita.



AKPANS

23 Jun

Panel Penilai Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) telah mengadakan lawatan ke Jabatan Perbendaharaan dalam rangka membuat penilaian untuk Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Ianya telah diketuai oleh Tuan Haji Mohd. Shahabuddin Bin Omar yang juga merupakan Pengarah MAMPU Cawangan Sarawak.



KIK : HARMONI

30 Jun

TAHNIAH kepada Kumpulan Harmoni atas kejayaan memenangi 2 anugerah pada Mini Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Sarawak pada 30.06.2011 di Hotel Hilton, Kuching Sarawak. Anugerah yang diterima adalah **Anugerah Emas dan Anugerah ICC Muda Terbaik**.

8 Jul

Ceramah Israk Mikraj

Persatuan Kebajikan Islam Perbendaharaan Negeri Sarawak (KIPAS) telah menganjurkan ceramah sempena Israk dan Mikraj pada 08.07.2011 di mana penceramah jemputan adalah Ybhg. Ustaz Muallim Bin Hj. Suaud, Ketua Penolong Mufti Negeri Sarawak.



13 Jul

Majlis Penyerahan Bendera



Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontingen Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Perbendaharaan Negeri Sarawak ke Sukan Dwi Tahunan Se-Malaysia Ke-12 di Pulau Pinang telah diadakan di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya Kuching pada 13.07.2011. Majlis Perasmian dan serahan bendera ini telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Puan Laura Lee Ngien Hion.



24-26 Jul



Sukan Dwi Tahunan

Kontingen daripada Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak telah mewakili Sarawak ke Kejohanan Sukan Dwi Tahunan Pejabat Kewangan Se-Malaysia Kali Ke-12 di Pulau Pinang. Kontingen telah memenangi tempat ke-3 dalam perlawanan Dart.

23 Jul

AKPK

Taklimat Pengurusan Kewangan Berhemat dan Pengurusan Kredit telah dianjurkan oleh Pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada 22.07.2011. Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Marline Margaret Nicol (Credit Counselor Head Of Sarawak Region).

Julai 5 Acara

Ogos 1 Acara

12 Ogos

Majlis Buka Puasa

Persatuan Kebajikan Islam Perbendaharaan Negeri Sarawak (KIPAS) telah menganjurkan satu majlis berbuka puasa dan solat terawih pada 12.08.2011 di Tingkat 1, Menara Pelita yang mana Akauntan Negeri Sarawak telah melapangkan masa beliau bersama-sama staf beragama Islam serta keluarga untuk berbuka puasa dan berjemaah solat terawih.



11-14 Sept

Excellent Award



TAHNAH kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif "SKIP" kerana telah berjaya mendapat Anugerah Cemerlang (Excellent Award) yang merupakan anugerah tertinggi dalam pertandingan Konvensyen QCC Peringkat Antarabangsa (ICQCC) 2011. Konvensyen ICQCC ini telah berlangsung pada 11-14 September 2011 bertempat di Pacifico Yokohama, Japan. Seramai 184 buah kumpulan daripada 14 buah negara telah terpilih untuk menyertai konvensyen tersebut yang melibatkan 20 buah kumpulan daripada Malaysia. SYABAS SKIP!

28 Sept Ramah Tamah



Gabungan 3 pertubuhan iaitu Kesturi, Kohab dan Kipas JPNS telah menganjurkan Majlis Ramah Tamah Aidil Fitri dengan tema "Berambah Raya Bersama" pada 28.09.2011 di Dewan Suarah, Kuching. Majlis telah disempurnakan oleh Akauntan Negeri

Sarawak. Turut hadir memeriahkan suasana majlis adalah Encik Abdul Kadir selaku wakil Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Pengarah Audit Dalaman, Cik Grace Hii beserta dengan pegawai masing-masing.



24 Sept

Hari Jadi TYT

JPNS telah bergabung dengan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Kementerian Kewangan dalam perbarisan sempena sambutan Hari Jadi Ke-90 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak pada 24.09.2011. Seramai 90 kontigen telah berarak sempena sambutan Hari Jadi TYT.

Kelas Bimbingan 13 Okt



Kelas Bimbingan Peperiksaan Subjek Jabatan Sesi 2/2011 telah diadakan pada 13.10.2011 bertempat di, Pustaka Negeri Sarawak. Jumlah calon-calon yang hadir ke Kelas Bimbingan tersebut adalah seramai 27 orang.

Sept 3 Acara

Okt 3 Acara

22-23 Okt

Bengkel Pengurusan

JPNS telah menganjurkan satu Bengkel Pengurusan Perbendaharaan Bahagian Di Miri pada 22-23 Oktober. Bengkel ini telah diadakan di Hotel Mega, Miri dan dihadiri oleh semua pegawai-pegawai di Perbendaharaan Bahagian Miri, Limbang dan Bintulu.



19-20 Okt

KIK : SKIP

Kumpulan SKIP telah dipilih untuk bertanding di Konvensyen ICC Kebangsaan 2011 Anjuran MPC bertempat di Sunway Pyramid Convention Centre, Petaling Jaya pada 19-20 Oktober 2011 dan telah mendapat ANUGERAH EMAS 3 BINTANG (Tertinggi) dan juga telah disenaraikan dalam Anugerah 10 Kumpulan Terbaik bagi Sektor Awam.

30 Nov

Hari Perhimpunan Awam

Perhimpunan Hari Perkhidmatan Awam 2011 di Sarawak telah diadakan pada 30 November di Borneo Convention Centre Kuching. Pada hari tersebut, Jabatan Perbendaharaan Negeri telah menerima Anugerah 4 Bintang untuk Indeks Akauntabiliti dan penghargaan kerana Kumpulan SKIP telah berjaya memenangi Anugerah Cemerlang (Excellent Award) yang merupakan anugerah tertinggi dalam pertandingan Konvensyen QCC Peringkat Antarabangsa (ICQCC) 2011 pada 11-14 September 2011 bertempat di Pacifico Yokohama, Japan.



9 Nov

Taklimat

Taklimat Perbendaharaan telah diadakan di Pejabat Perbendaharaan Bahagian Kota Samarahan pada 9 November 2011. Taklimat ini bertujuan menambahkan pengetahuan pegawai dengan pelan strategik jabatan bagi merealisasikan visi dan misi jabatan. Ianya juga bertujuan untuk memberikan perkongsian ilmu serta pemahaman pegawai dalam pencapaian jabatan.



Pensijilan 5S

29 Nov

Pada 29 November yang lalu, pihak MPC telah berkunjung ke Ibu Pejabat JPNS dalam rangka lawatan pengauditan bagi Pembaharuan Pensijilan 5S.

Nov 3 Acara

Dis 3 Acara

Randau

Majlis Randau Perbendaharaan Bahagian bersama Akauntan Negeri Sarawak telah diadakan pada 09.12.2011 yang lalu di Hotel Riverside, Kuching yang telah dihadiri oleh 11 Akauntan Perbendaharaan dan wakil. Dalam perjumpaan kali ini menekankan aspek 'best practices' di bahagian masing-masing.

7 Dis



10 Dis



Kursus

17-18 Dis



Kursus Pengurusan Perbendaharaan Bahagian bagi pegawai di Ibu Pejabat pada 17-18 Disember 2011 telah diadakan di Hotel Rajah

Court, Kuching. Dihadiri oleh beberapa pegawai di Bahagian Samarahan, Ibupejabat dan Bahagian Kuching yang mana tidak berpeluang untuk turut serta dalam kursus-kursus yang diadakan sebelum ini.

Agenda Perbendaharaan

Agenda Perbendaharaan telah diadakan di Damai Puri & Spa pada 10 Dis. Pembentangan perancangan strategik dan ceramah telah diadakan pada sebelah pagi dan petang manakala malam mesra yang bertemakan kobo pada sebelah malamnya.

SEKSYEN KENALI KAMI



SEKSYEN INSPEKTORAT telah ditubuhkan dan dinaik taraf sebagai seksyen penuh Jabatan pada 15 Ogos 2006 yang dahulunya dikenali sebagai Unit Naziran, bernaung di bawah Seksyen Perakaunan. Seksyen Inspektorat diketuai oleh seorang Penolong Akauntan Negeri yang berkaliber iaitu En. Awang Sahmat bin Awang Sharkan dan dibantu oleh 11 orang staf dari pelbagai gred jawatan.

Terdapat 26 Inspektor Perbendaharaan (IP) yang terdiri daripada Penolong Akauntan Negeri (Inspektorat) selaku Ketua IP, Akauntan dan Penolong Akauntan yang telah dilantik. Salah satu peranan IP adalah melakukan pemeriksaan ke Perbendaharaan Bahagian/Kecil, Pejabat Residen, Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Persekutuan yang berkaitan dengan akaun Kerajaan Negeri Sarawak.

Seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan tanggungjawab Akauntan Negeri berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan 80(a), 90, 140(b) dan Supplementary Instructions Relating To Accounting Procedure & Financial Control 162.



FUNGSI SEKSYEN INSPEKTORAT

1. Menjalankan pemeriksaan ke Perbendaharaan Bahagian / Kecil /Kementerian /Jabatan di bahagian masing-masing
2. Mengenalpasti luaraturan dan memberi panduan kepada Pusat Tanggungjawab
3. Membuat penyiasatan secara 'ad-hoc' atau atas arahan pihak atasan

 **Hubungi Kami**

SEKSYEN KEWANGAN
(Tingkat 11, Menara Pelita)

Telefon:
082 - 440 111

Faks:
082 - 446 311

SEKSYEN KENALI KAMI



Piagam Pelanggan Seksyen Perakaunan

- 1** Penyata akaun bulanan dikeluarkan kepada Pegawai Pengawal dalam **minggu pertama** bulan berikutnya.
- 2** Penyediaan baucar bayaran bagi Bayaran Pukal dilakukan **2 hari** selepas data diterima.
- 3** Permohonan Arahan Perbendaharaan 58(a) diproses dalam masa **2 hari** selepas diterima.
- 4** Memproses baucar jurnal dalam masa **1 hari** selepas diterima.
- 5** Memproses baucar jurnal dalam masa **2 hari** selepas menerima waran kontigensi/waran khas.

SEKSYEN PERAKAUNAN

Peranan	Mengurus sistem perakaunan Kerajaan Negeri Sarawak.
Fungsi	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan garis panduan yang berkaitan dengan perakaunan dan pembayaran dilaksanakan. • Menyelaraskan aktiviti dan memantau penutupan dan penyediaan akaun bulanan dan tahunan. • Membuat penambahbaikan sistem, prosedur dan proses kerja perakaunan. • Menyelenggara akaun amanah di bawah kawalan Akauntan Negeri.

Seksyen Perakaunan diketuai oleh Pemangku Timbalan Akauntan Negeri, Puan Hajah Elean bt. Hj. Masa'at, seorang wanita korporat yang berjiwa kental. Beliau dibantu oleh seorang Akauntan dan 9 orang staf. Tugas utama seksyen ini adalah menyediakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak.



Hubungi Kami

SEKSYEN KEWANGAN (Tingkat 9, Menara Pelita)

Telefon:

082 - 440 111

Faks:

082 - 446 082

SEKSYEN KENALI KAMI



Piagam Pelanggan Seksyen Kewangan

UNIT HASIL

- 1 Mengurus semua kepala hasil dibawah kawalan Akauntan Negeri Sarawak
- 2 Membangunkan strategi untuk meningkatkan kutipan hasil
- 3 Menguatkuasakan akta yang berkaitan
- 4 Mengesahkan jumlah kutipan hasil dalam laporan bulanan

UNIT DANA

- 1 Mengurus pelaburan dana hasil dan dana amanah
- 2 Menyimpan selamat sijil saham dan lain-lain dokumen pelaburan
- 3 Mengawasi keperluan aliran wang tunai
- 4 Mengurus peti besi



Seksyen Kewangan diketuai oleh seorang Penolong Akauntan Negeri yang berwibawa iaitu En. Kushairi bin Johan. Seksyen ini mempunyai 2 Unit iaitu Unit Hasil dan Unit Dana yang masing-masing diketuai oleh seorang Akauntan bagi menguruskan tugas berkaitan kewangan.

Unit Hasil terdiri dari 6 orang staf yang mengurus semua kepala hasil di bawah kawalan Akauntan Negeri Sarawak, menguatkuasa akta yang berkaitan dengan hasil dan melapor kutipan bulanan hasil Kerajaan Negeri.

Unit Dana pula terdiri dari 10 orang staf yang dipertanggungjawab untuk mengurus pelaburan dana hasil dan dana amanah serta mengawasi keperluan aliran wang tunai.

 **Hubungi Kami**

SEKSYEN KEWANGAN
(Tingkat 7, Menara Pelita)

Telefon:

082 - 440 111

Faks:

082 - 440 704

SEKSYEN KENALI KAMI



Unit Pentadbiran & Sumber Manusia

Unit Perancangan

Setiap Unit mempunyai **PIAGAM PELANGGAN** tersendiri seperti berikut :

UNIT PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA

- Memberi perkhidmatan di kaunter kepada pelanggan dalam tempoh 10 saat.
- Memberi maklumbalas keputusan permohonan penggunaan kenderaan dan peminjaman fail dalam tempoh 10 minit.
- Mengeluarkan notis peperiksaan Subjek Jabatan kepada calon 2 bulan sebelum tarikh peperiksaan.
- Memproses dan mengemukakan dokumen perakuan pengesahan dalam jawatan bagi pegawai baru ke Jabatan Ketua Menteri, 3 bulan sebelum tamat tempoh percubaan.
- Menyedia dan mengemukakan dokumen lengkap persaraan ke Jabatan Ketua Menteri, 6 bulan sebelum tarikh persaraan.

UNIT PERANCANGAN

- Memproses permohonan pembelian barangan dan perkhidmatan di Ibupejabat sehingga Borang Pesanan Tempatan dikeluarkan sekurang-kurangnya dalam tempoh 3 hari bekerja untuk permohonan tender dan 5 hari bekerja untuk permohonan bukan tender.
- Memeriksa dan memproses borang tuntutan pegawai yang telah lengkap sehingga baucar bayaran dikeluarkan.

Seksyen Pentadbiran dan Perancangan berperanan dalam mengurus dengan berkesan pentadbiran pejabat, staf serta akaun dan kewangan pejabat. Unit pentadbiran diketuai oleh En. Raca Mulong (N41) manakala Unit Perancangan diketuai oleh Pn. Haslinda bt. Abdul Ghani (W41).

 **Hubungi Kami**

SEKSYEN GAJI
(Tingkat 10, Menara Pelita)

Telefon:
082 - 440 111

Faks:
082 - 446 395
(Unit Pentadbiran)

082 - 445 270
(Unit Perancangan)

SEKSYEN KENALI KAMI



FUNGSI SEKSYEN GAJI

Unit Pinjaman Kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> Menyelenggara dan mengemaskini lejar subsidiari pinjaman kakitangan Memproses bayaran pinjaman yang telah diluluskan Mengeluarkan surat tanggungan sebaik sahaja pinjaman diselesaikan
Unit Gaji	<ul style="list-style-type: none"> Memproses gaji kakitangan kerajaan (tidak termasuk kakitangan sementara) Menyediakan penyata gaji dan slip gaji ke jabatan Menyediakan baucar bayaran untuk dihantar ke bank dan Pejabat Perbendaharaan Membuat potongan bagi pihak agensi dan memproses bayaran
Unit Kumpulan Wang Simpanan (KWS)	<ul style="list-style-type: none"> Mengurus dan mengawal GEFP, LAPF TPF dan WOP Mengeluarkan penyata kewangan bagi dana di atas Mengeluarkan penyata akaun kepda para penyumbang dua kali setahun

Seksyen Gaji iaitu Seksyen 'populer' di kalangan penjawat awam Negeri Sarawak ini diketuai oleh Pemangku Penolong Akauntan Negeri yang aktif dan kreatif iaitu En. Christopher Danan Binjie.

Terdapat 3 Unit dibawah Seksyen ini iaitu Unit Gaji, Unit Pinjaman Kakitangan dan Unit Kumpulan Wang Simpan. Setiap unit menjalankan operasi yang berbeza seperti yang dipaparkan pada jadual di sebelah :

Hubungi Kami

SEKSYEN GAJI
(Tingkat 8 & 9, Menara Pelita)

Telefon:
082 - 440 111

Faks:
082 - 442 164 (Unit Gaji)

082 - 446 082
(Unit Pinjaman Kakitangan)

082 - 445 478
(Unit Kumpulan Wang Simpanan)



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010

Awg. Suhaimi b.
Awg. Mustapha

(PB Sri Aman)

Jos ak. Jawa

(PB Samarahan)

Hidayati bt.
Mahmud

(PB Mukoh)

Rosnani bt.
Ating

(Seksyen
Perakaunan)

Mathdir b. Rosli &
John ak. Chukit

(Seksyen Pentadbiran
& HR)

Norhalizah
bt. Jali

(Seksyen
Inspektorat)

Siti Nazariah bt. Ali &
Zurialydiawati bt. Ahmad

(Seksyen Kewangan)

Suhaili
b. Johari

(Seksyen
Gaji)

Yasmin Rini bt. Abd.
Rahman Will &
Foo Ting Ching

(Unit Perancangan)

Awg. Taib b.
Abd. Kashim

(PB Limbang)

Noor Susilawati
bt. Mohd.

(PB Sarikei)

Sahari
b. Jet

(PB Kuching)

Luna Ritta
Ak. Intan

(PB Kapit)

Normisdiyana
bt. Bawi

(PB Bintulu)

Siti Mariam
Bt. Misraeh

(PB Sibu)

Pauline Imbok
Ak. Ujak

(PB Miri)

'Tips' mengatasi masalah suka tanggung kerja

Pola perlakuan sikap suka bertanggung boleh tercetus dalam banyak cara. Adakalanya anda bertanggung kerana anda terlalu banyak tugas yang perlu dilaksanakan, dan penangguhan memberi anda ruang untuk melarikan diri. Adakalanya pula anda bertanggung kerana rasa penat dan malas, dan anda sudah tidak boleh lakukan kerja lagi.

ARCA pada keluaran kali ini akan memberikan tips yang boleh anda praktik untuk mengelak penangguhan kerja.

1) MEMBAHAGIKAN MASA

Ilmuwan Islam memberikan cadangan membahagikan hari kita kepada tiga bahagian iaitu :

- 1/3 untuk bekerja
- 1/3 untuk beriadah dan rehat
- 1/3 lagi untuk beribadah

2) DISIPLIN

Walau ketika semangat anda sedang tinggi, anda mungkin masih berdepan dengan tugas yang anda tidak mahu lakukan. Dalam situasi ini disiplin diri bertindak sebagai sistem sokongan hidup motivasi. Jika disiplin diri anda lemah, sebaliknya, menangguhkan kerja itu menjadi sesuatu yang sukar untuk ditolak.

3) Mencari Matlamat

Mencari matlamat adalah cara yang sangat berkuasa untuk mengalahkan tabiat suka bertanggung kerana anda tidak akan bertanggung untuk melakukan perkara yang anda suka lakukan. Jika anda bertanggung kerana tiada motivasi, ianya isyarat besar yang anda mungkin telah memilih jalan yang salah. Carilah matlamat sebenar diri anda, perkara yang anda suka, yang anda akan terus buat dan buat tanpa jemu.

4) BANGUN DAN GERAKKAN TUBUH ANDA

Bersenam membantu meningkatkan tahap tenaga anda. Apabila tenaga anda tinggi, tugas akan tampak lebih mudah, dan anda tidak mengelak untuk melakukannya. Seseorang yang cergas boleh mengendalikan lebih aktiviti daripada mereka yang tidak cergas, walaupun tahap kesukaran tugas tersebut adalah sama.

Kelebihan mengatasi masalah ini akan menghasilkan satu pengembangan dan pembinaan diri yang hebat. Anda akan menjadi lebih kuat, berani, berdisiplin dan lebih fokus.

Matlamat keseluruhannya ialah agar kita berkembang menjadi orang yang lebih hebat.

Punca masalah menangguh kerja

1. Stress atau tekanan
2. Terlampau Banyak Kerja
3. Rasa Malas
4. Kurang Motivasi & Disiplin
5. Tabiat Pengurusan Masa Yang Tidak Baik
6. Kurang Kemahiran
7. Terlalu Mahukan Kesempurnaan

Tahukah Anda!!

Mereka yang berprestasi tinggi dalam sebarang bidang, banyak mengambil masa bercuti ini kerana mereka menyiapkan tugas dalam masa yang singkat.

'CAMNE' Kurangkan STRESS

Artikel Menarik

STRESS tidak boleh dihilangkan, namun anda boleh mengawalinya dengan melakukan beberapa langkah awal.

Rambut mulai gugur, susah nak tidur, hilang nafsu makan, jerawat dan hilang keyakinan diri....**CAMNE TOK??...** bawa bertenang. Setiap orang pernah mengalami stress. Namun anda harus mengawalinya, jangan sampai stress mempengaruhi kesihatan anda. Untuk edisi kali ini, ARCA berikan tips "**CAMNE**" kurangkan **STRESS**.

Catat... Stress juga disebabkan oleh tugas atau pekerjaan yang terlalu banyak sehingga anda keliru untuk memulakannya. Langkah bijak yang boleh anda ambil adalah dengan mencatat segala tugas yang perlu dilakukan. Selepas itu, buat jadual atau senaraikan tugas yang akan dilaksanakan. Ini membolehkan anda melakukan segala tugas dengan baik serta menjadikan anda lebih teratur.

Aromaterapi... Sukakan wangian dan kebetulan anda sedang mengalami stress?? Pilihlah Aromaterapi. Wangian dari Essensial Oil boleh digunakan untuk menyembuhkan penyakit ringan yang disebabkan stress, misalnya masalah pernafasan. Wap haruman yang dihidu akan masuk ke dalam tubuh, lalu diserap oleh aliran darah ke sistem saraf. Selepas itu, bahagian otak akan mengawal perlepasan hormon dan emosi. Cuba wangian lavender, lemon dan jasmine untuk mencairkan stress anda itu !!!

Muzik... Irama muzik yang anda dengar membuatkan parasympathetic nervous system (PNS) pada otak akan berasa seronok. PNS akan merangsang tubuh dan fikiran untuk menjadi lebih relaks.

Nafas teratur... Jika anda sedang gugup atau stress, cuba cara ini. Tarik nafas perlahan, kemudian lepaskan hingga dada terasa kosong. Salah satu manfaat yang boleh diperoleh dari teknik ini ialah boleh mengurangkan stress anda. Selain itu, ia juga boleh mengurangkan kelajuan degupan jantung ketika stress.

Eksperesikan... Eksperesikan (bukan mengamuk atau marah) perasaan tidak puas hati anda kepada rakan sekerja mahupun majikan jika anda tidak bersetuju dengan tindakannya. Berbincang secara baik dan jangan pendam stress anda. Jika perlu, dapatkan nasihat dari pakar psikologi, keluarga atau teman rapat.

(Petikan dari Majalah REMAJA Edisi 18 Mac 2008)

diari 2012

JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

JANUARI	FEBRUARI	MAR
<ul style="list-style-type: none">Refleksi 1 Perbendaharaan	<ul style="list-style-type: none">Seminar KIK Zon UtaraSeminar KIK Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none">Mengemukakan akaun Awam 2011 kepada Pengarah Audit Negeri SarawakSeminar KIK Zon Selatan
APRIL	MEI	JUN
<ul style="list-style-type: none">Penilaian Laman WebPembaharuan Pensijilan ISO 9001:2008Bengkel Pengurusan Kewangan Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none">Penilaian Laman WebKonvensyen KIK Peringkat Zon SelatanBengkel Pengurusan Kewangan Zon TengahSehari Bersama Perbendaharaan Negeri 2012	<ul style="list-style-type: none">Penilaian Laman WebKursus-Kursus Induksi Khusus JabatanBengkel Pengurusan Kewangan Zon Utara
JULAI	OGOS	SEPTEMBER
<ul style="list-style-type: none">Penilaian Laman WebKonvensyen KIK Peringkat Negeri	<ul style="list-style-type: none">Kertas Kerja KFA 2012Konvensyen KIK Peringkat Jabatan	<ul style="list-style-type: none">Taklimat Penutupan Akaun 2012
OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
<ul style="list-style-type: none">Penilaian 5S (MPC)Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan	<ul style="list-style-type: none">Randau	<ul style="list-style-type: none">Agenda Perbendaharaan 2013



ARCA merupakan buletin JPNS yang memaparkan maklumat terkini kepada pihak luaran berkenaan perkembangan yang berlaku di dalam JPNS. ARCA diterbitkan dua kali setahun yakni bagi tempoh Januari-Jun dan Julai-Disember. ARCA diedarkan di semua Jabatan Kerajaan Negeri dan Pusat, Badan Berkanun Negeri dan Pusat serta Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sarawak ini, secara PERCUMA.